

**UPM Serah Sumbangan RM25,712 untuk Gaza**

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan sumbangan duit kepada Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

PUTRAJAYA, 20 Jan – Sebanyak RM 25,712 kutipan sumbangan Tabung Kemanusiaan Gaza Universiti Putra Malaysia (UPM) diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi semalam.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan sumbangan hasil kutipan seluruh staf dan pelajar UPM kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semasa Majlis Amanat Tahun Baru 2009 Kementerian Pengajian Tinggi di sini.

Majlis dihadiri seramai 500 orang yang berlangsung di Auditorium Kompleks E, Putrajaya itu turut dihadiri oleh perwakilan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain.

Dr. Nik Mustapha berharap sumbangan UPM tersebut dapat mengurangkan penderitaan rakyat Gaza daripada kesan kekejaman Israel di Semenanjung Gaza, Palestin.

Tabung UPM itu merupakan sebahagian dana yang dikumpulkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama semua IPTA, politeknik dan entiti di bawah KPT untuk Tabung Khas Bantuan Kemanusiaan Palestin.

Semua dana yang dikumpul diserahkan oleh Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kepada Timbalan Setiausaha 2, Kementerian Luar, Datuk Mohd Kamal Yan Yahya bagi disalurkan kepada Tabung Khas Palestin.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.